



22 Ogos 2011
22 August 2011
P.U. (A) 288

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE

PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
(PENGAGIHAN PERBELANJAAN, KOS ATAU KERUGIAN)
2011

*MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION
(ALLOCATION OF EXPENSES, COSTS OR LOSSES)
ORDER 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

**PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
(PENGAGIHAN PERBELANJAAN, KOS ATAU KERUGIAN) 2011**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 28(2) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pengagihan Perbelanjaan, Kos atau Kerugian) 2011.**

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2011.

Perbelanjaan, kos atau kerugian umum sistem insurans deposit

2. Jika perbelanjaan, kos atau kerugian dapat dihubungkaitkan dengan sistem insurans deposit tetapi tidak dapat dihubungkaitkan secara khusus dengan kumpulan wang atau kumpulan-kumpulan wang tertentu dalam sistem itu, Perbadanan hendaklah mengagihkan perbelanjaan, kos atau kerugian itu seperti yang berikut:

- (a) berkenaan dengan tahun taksiran 2011, mengikut perkadarannya amanun premium yang dipungut untuk kumpulan-kumpulan wang masing-masing dalam sistem insurans deposit dalam tahun taksiran 2011; dan
- (b) berkenaan dengan setiap tahun taksiran berikutnya tahun taksiran 2011, mengikut perkadarannya amanun premium yang dipungut untuk kumpulan-kumpulan wang masing-masing dalam sistem insurans deposit dalam tahun taksiran yang sebelumnya.

Perbelanjaan, kos atau kerugian umum sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans

3. Jika perbelanjaan, kos atau kerugian dapat dihubungkaitkan dengan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans tetapi tidak dapat dihubungkaitkan secara khusus dengan kumpulan wang atau kumpulan-kumpulan wang perlindungan takaful atau insurans dalam sistem itu, Perbadanan hendaklah mengagihkan perbelanjaan, kos atau kerugian itu seperti yang berikut:

- (a) berkenaan dengan tahun taksiran 2011, mengikut perkadarannya aman premium yang dipungut untuk kumpulan-kumpulan wang perlindungan takaful dan insurans masing-masing dalam sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans dalam tahun taksiran 2011; dan
- (b) berkenaan dengan setiap tahun taksiran berikutnya tahun taksiran 2011, mengikut perkadarannya aman premium yang dipungut untuk kumpulan-kumpulan wang perlindungan takaful dan insurans masing-masing dalam sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans dalam tahun taksiran yang sebelumnya.

Perbelanjaan, kos atau kerugian umum sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans

4. Jika perbelanjaan, kos atau kerugian tidak dapat dihubungkaitkan secara khusus sama ada dengan sistem insurans deposit atau sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans, Perbadanan hendaklah mengagihkan perbelanjaan, kos atau kerugian itu seperti yang berikut:

- (a) berkenaan dengan tahun taksiran 2011, mengikut perkadarannya aman premium yang dipungut untuk kumpulan-kumpulan wang masing-masing dalam sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans dalam tahun taksiran 2011; dan